

## Struktur Binaan Ayat Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Melayu: Satu Pengenalan

Minah Sintian\*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

### ABSTRAK

Bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu berasal dari rumpun bahasa yang sama, iaitu bahasa Austronesia. Keadaan topografi, spatial dan jarak lokasi penutur merupakan faktor berlakunya perbezaan struktur binaan ayat antara bahasa-bahasa Austronesia. Makalah ini meneliti perbandingan struktur binaan ayat kedua-dua bahasa tersebut. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data. Berdasarkan kajian, didapati bahasa Kadazandusun lebih cenderung menggunakan susunan kata jenis *kata kerja + subjek + objek* (KSO), iaitu mengedepankan kata kerja kemudian disusuli dengan subjek dan objek dalam binaan ayat. Bahasa Melayu pula menyusun kata mengikut jenis *subjek + kata kerja + objek* (SKO). Ayat dasar kedua-dua bahasa tersebut berasaskan empat pola ayat dasar, iaitu *frasa nama + frasa nama*, *frasa nama + frasa kerja*, *frasa nama + frasa adjektif*, dan *frasa nama + frasa sendi nama*. Memandangkan bahasa Kadazandusun mengikut jenis KSO, maka susunan binaan ayat adalah berbentuk songsang, iaitu unsur frasa predikat mendahului frasa subjek. Walau bagaimanapun terdapat ayat dalam bahasa Kadazandusun yang boleh terbentuk menggunakan susunan kata SKO. Dapatan kajian memberi implikasi kepada pengukuhan bukti tahap hubungan kekerabatan bahasa Kadazandusun dengan bahasa Melayu. Diharapkan kajian ini menjadi landasan perbincangan pelbagai bidang ilmu bahasa serumpun untuk pengembangan pengetahuan dan pendidikan bahasa peringkat pengajian tinggi ASEAN.

**Kata Kunci:** Bahasa Kadazandusun, Bahasa Melayu, Bahasa Austronesia, Binaan Ayat, Bahasa Serumpun.

## Kadazandusun and Malay Language Structural Sentence Construction: An Introduction

### ABSTRACT

*Kadazandusun and Malay language come from the same language cluster which is the Austronesia language. Topography condition, spatial and location distance of the speaker are factors to the occurrence in difference sentence construction between the Austronesia languages. This article overlooks on the comparison to the structural sentence construction on both languages. Library research was used to obtain data. Based on the research, it was found that Kadazandusun language have tendencies in using the words arrangement of verb + subject + object (VSO), which forwarding verbs followed by subject and object in word sentence construction. On the other hand, the Malay language arranges word by following the type of subject + verb + object (SVO). Both languages basic sentence consists of four patterns, which are noun phrase + noun phrase, verb phrase + noun phrase, adjective phrase + noun phrase, and prepositional phrase + noun phrase. Since the Kadazandusun language follows according to the VSO type, hence the sentence construction arrangement is in an inversely form, predicate phrase followed by subject phrase. However, there is also sentence in Kadazandusun language which can be formed by using the SVO word order. Research findings give implication to the strengthening of proof in the degree of kinship relationship between Kadazandusun and Malay language. Hopefully this study can become a platform for the discussion between various fields study*

---


\*Emel: [minahsintian@fbk.upsi.edu.my](mailto:minahsintian@fbk.upsi.edu.my)

*in cluster language for the development of knowledge and lingual education in higher ASEAN level.*

**Keywords:** Kadazandusun Language, Malay Language, Austronesia Language, Sentence Construction, Cluster Language.

## PENDAHULUAN

Bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa yang sama, iaitu bahasa Austronesia Melayu-Polinesia. Berdasarkan bukti-bukti peninggalan purbakala dan teori-teori asal usul bangsa tersebut, dipercayai kedua-duanya berasal dari Tanah Besar Asia. Menurut Asmah Omar (2015), bukti-bukti kebahasaan dapat dijadikan sebagai keterangan bahawa suku-suku bangsa itu dapat dikategorikan dalam rumpun yang sama. Bahasa Austronesia Melayu-Polinesia mempunyai ciri persamaan antara satu sama lain yang meliputi sistem bunyi, pembentukan kata dan ayat, dan perbendaharaan kata. Asmah Omar mendapati bahawa bahasa-bahasa bumiputera di Malaysia memperlihatkan perkaitan yang erat antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, beliau mengakui bahawa bahasa Melayu dilihat lebih dekat perkaitannya dengan bahasa-bahasa di Sarawak berbanding dengan bahasa-bahasa bumiputera di Sabah. Menurutnya, bahasa Kadazandusun adalah daripada subkeluarga Murut-Dusun yang dibahagikan kepada dua subkeluarga, iaitu subkeluarga Murut dengan subkeluarga Dusun seperti dalam rajah 1 di bawah.



**Rajah 1.** Pengelompokan Bahasa-bahasa Jenis Sabah (difokuskan subkeluarga Murut-Dusun).

Etnik Kadazandusun terdiri daripada tiga keluarga besar, iaitu Dusunik, Paitanik dan Murutik (Dayu Sansalu, 2008; Lewis, 2009; Pugh-Kitingan, 2012). Artikel 6 Perlembagaan dan Peraturan *Kadazan Dusun Cultural Association* (KDCA) yang dipetik dalam Benedict Topin (2017), mendefinisikan etnik Kadazandusun terdiri daripada subetnik Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo, Idaan, Kadayan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak, Minokok, Murut, Ngabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sinobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tatana, Tangara, Tinagas, Tuhawon, Tidong, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawon, Tutung, Sino-Kadazandusun dan Bisaya. Setiap keluarga tersebut mempunyai ikatan persamaan dari segi latar sejarah, tradisi lisan, tradisi kebendaan dan bahasa.

Bahasa Kadazandusun merupakan gabungan daripada dua istilah, iaitu "Kadazan" dan "Dusun" yang merujuk kepada nama etnik. Bahasa tersebut terpakai sebagai rasmi dalam penulisan dan pertuturan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah negeri Sabah sejak April 1995 (Rita Lasimbang & Trixie Kinajil, 2010; Benedict Topin, 2017). Dialek Bundu dan Liwan digabungkan menjadi Bunduliwan pula telah dijadikan sebagai asas pemiawaian dan pembakuan Bahasa Kadazandusun berdasarkan kapasiti dialek itu dituturkan oleh majoriti dan mempunyai kebolehfahaman yang tinggi berbanding penutur-penutur dialek lain sementara dialek-dialek lain pula digunakan untuk memperkayakan dialek Bunduliwan (Benedict Topin, 2017). Menurut Benedict Topin, pakar-pakar penyelidik bahasa khususnya *Summer Institute of Linguistics* (SIL) turut mengakui bahawa dialek Bunduliwan merupakan dialek yang mempunyai *intelligibility* yang tinggi antara dialek-dialek yang terdapat dalam rumpun bahasa Kadazandusun dan Paitanik. Selain daripada dialek Bundu dan Liwan mempunyai tahap *intelligibility* yang tinggi, kajian Minah Sintian (2017), juga mendapati bahawa beberapa dialek dalam keluarga Dusun mempunyai hubungan kekerabatan antara satu dengan yang lain, misalnya peratus persamaan kata kognat antara Bunduliwan dengan Tangara ialah 85.37%, Bunduliwan dengan Rungus 80.49%, Bunduliwan dengan Mangkaak 78.54%, Bunduliwan dengan Dumpas 73.53% dan Bunduliwan dengan Tatana 61.76%.

Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang politik, sosial, pendidikan, keagamaan dan ekonomi. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca utama pada abad ke-15 serta digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik (Adenan Ayob, 2012) sehinggakan bahasa tersebut sentiasa dimartabatkan agar menjadi asas untuk pembangunan dan tamadun negara bangsa (Dayang Aminah Momin, 2010) yang dipetik dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan penting dalam memantapkan kosa kata, istilah dan penyelidikan bahasa Melayu selain daripada menerbitkan dan menyebarkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. Bahasa Melayu sentiasa dinamik dari masa ke semasa selari dengan perubahan masa dan perkembangan teknologi. Perkembangannya memberi impak kepada bahasa-bahasa etnik khususnya bahasa Kadazandusun.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Sintaksis berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *sun* yang bererti "dengan" dan *tattein* yang bererti "menempatkan bersama-sama". Kata *suntattein* ini kemudian menjadi istilah *syntaxis* dalam bahasa Belanda, dan *syntax* dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan makna perkataan Yunani tersebut, Ahmad Khair Mohd Nor (2008:2) mendefinisikan sintaksis sebagai "menempatkan kata-kata secara bersama-sama untuk menjadi kelompok kata atau ayat." Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (1995:317), mentakrifkan sintaksis sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Selain itu Nik Safiah Karim *et al.* menambah bahawa bidang sintaksis juga dapat difahami sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa. Awang Sariyan (2009:32), menjelaskan komponen sintaksis sebagai sehimpunan rumus yang merangkaikan kata-kata dan kumpulan kata untuk membentuk ayat yang tidak terbatas bilangannya dalam sesuatu bahasa. Kajian sintaksis bertitik tolak daripada struktur ayat yang dianggap oleh penutur asli bahasa itu sebagai ayat yang "betul strukturnya" (Ramli Md. Salleh, 2007:72) dan keupayaan penutur tersebut melahirkan ayat-ayat yang gramatis menurut ukuran tatabahasa bahasanya (Awang Sariyan, 2009:31). Berdasarkan pernyataan tersebut, bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu mempunyai struktur ayat yang tersendiri berdasarkan projeksi penutur aslinya.

Kajian lampau menunjukkan bahasa yang dituturkan oleh etnik Kadazandusun mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, tetapi persamaan tersebut terhad kepada kosa kata. Noor Aina Dani, Saadah Jaffar, Zuraini Seruji & Reduan Abang Amir (2011), mendakwa kata kognat tersebut membuktikan bahawa bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu mempunyai hubungan kekeluargaan. Minah Sintian (2017), membuktikan kebenaran dakwaan Noor Aina Dani *et.al.* apabila mendapati 44 daripada 207 kosa kata atau 21.26% bahasa Kadazandusun berkognat dengan bahasa Melayu. Contohnya, kutu = *kutu*, buah = *buwa'*, kulit = *kulit*, tahun = *toun*, tali = *tali*, bulan = *tulan*, batu = *watu*, tanah = *tana'*, abu = *au*, jalan = *dalan/ralan* dan lain-lain. Menurut Noor Aina Dani *et.al.*, masyarakat Kadazandusun mempunyai kecenderungan mengasimilasikan kata Melayu ke dalam perbendaharaan kata bahasa Dusun namun kata yang diasimilasikan itu tidak berkaitan dengan kata kognat. Kosa kata bahasa Melayu akan mengalami proses asimilasi dari segi bunyi dan imbuhan. Sebagai contoh, /beliau/>/baliu/ dan /tolong/ >/tulung/. Bunyi fonem /e/ pepet dan /o/ bundar dalam bahasa Melayu akan berubah menjadi bunyi fonem /a/ dan /u/ dalam bahasa Kadazandusun.

Kajian Asmah Omar (2015:112), mendapati antara ciri-ciri sintaksis dalam bahasa Kadazandusun ialah mempunyai unsur ligatur atau penghubung antara bahagian-bahagian tertentu dalam ayat-ayat. Asmah Omar memberikan contoh bahasa Rungus, ligatur '*do*' dan '*dot*' menghubungkan kata kerja dengan objek, atau inti dan keterangan dalam frasa; '*di*' menghubungkan yang dimiliki dengan pemilik dalam frasa milik; sedangkan '*ot*' menghubungkan kata atau frasa bilangan dengan kata nama yang mengikutinya. Contoh penggunaan ligatur seperti frasa di bawah:

- i. *monongimut do wayang* (menonton wayang)
- ii. *pinokirim do surat* (sudah kirim surat)
- iii. *vaday dot agazo* (rumah besar)
- iv. *pisaw di obpinay* (pisau adik/abang/kakak)
- v. *iso ot ombodon* (satu burung)

Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu yang tidak meletak ligatur antara kata kerja dengan objek, inti dan keterangan dalam frasa, yang dimiliki dengan pemilik dalam frasa milik, dan frasa bilangan dengan kata nama yang mengikutinya. Malah menjadi kesalahan tatabahasa apabila menyisipkan perkataan lain di antara kata kerja transitif dengan frasa nama yang menjadi objek kata kerja transitif (Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, 2011) seperti berikut:

- i. Mereka belum menyampaikan kepada Ahmad berita itu. (x)  
Mereka belum menyampaikan berita itu kepada Ahmad. (✓)
- ii. Penceramah itu menyentuh tentang masalah remaja. (x)  
Penceramah itu menyentuh masalah remaja. (✓)

Kajian terkini dan menarik tentang perbandingan pola ayat bahasa Melayu dengan Kadazandusun telah dijalankan oleh Mohd. Nor Azam Abdullah & Musirin Mosin (2019), melalui pengujian kegramatisan ayat dasar bahasa Kadazandusun menggunakan permutasi atau penyilangan frasa untuk menentukan ketepatan binaan tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut. Sebagai contoh, pola ayat Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN) berikut:

- i. Rumah itu rumah saya. (FN+FN) (ayat gramatis)  
*Walai dilo walai ku* (terjemahan literal)
- ii. Rumah saya rumah itu (Frasa disongsangkan)  
*Walai ku walai dilo* (terjemahan literal)

Ayat bahasa Melayu (i) yang gramatis apabila diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Kadazandusun akan menunjukkan ayat yang tidak gramatis. Kedua-dua ayat bahasa Melayu dan bahasa Kadazandusun (ii) apabila disongsangkan, memperlihatkan ketidakgramatisan. Menurut Mohd. Nor Azam Abdullah & Musirin Mosin, keselarasan dan ketepatan tatabahasa bagi pola ayat inti untuk ayat (i) dalam bahasa Kadazandusun adalah seperti dalam ayat di bawah:

- a. *Walai nopo dilo walai ku.* (terjemahan kontekstual)  
*Walai* (Kata Nama) + *nopo* (Kata Pemerl) + *dilo* (Kata Tunjuk) + *walai* (kata Nama) + *ku*  
 (Kata Ganti Nama Diri Pertama yang disingkatkan).

Perkataan *nopo* dalam ayat (a) merupakan unsur penghubung di antara frasa nama dengan frasa nama yang tidak terdapat dalam pola ayat (i) dalam bahasa Melayu. *Nopo* merupakan ciri sintaksis pola ayat Kadazandusun yang memberikan keharmonian ligatur dan bunyi. Mohd. Nor Azam Abdullah & Musirin Mosin, menekankan bahawa ligatur *nopo* wajib diselitkan agar pola ayat tersebut gramatis dan baku.

### Susunan Kata Bahasa Kadazandusun-Bahasa Melayu

Jika anda pernah mendengar etnik Kadazandusun bertutur, anda mungkin berasa agak pelik kerana penutur itu memulakan frasa pada bahagian predikat kemudian diikuti dengan frasa pada bahagian subjek. Henry Bating (2001), menjelaskan struktur sintaksis Kadazandusun memiliki hukum Predikat-Subjek sementara Bahasa Melayu yang mempunyai hukum Subjek-Predikat. Contoh-contoh ayat adalah seperti berikut:

1. *Minoboros / i montiri ...*  
 (Predikat) (Subjek)  
 Menteri / berkata ...  
 (Subjek) (Predikat)
2. *Manahak do pakalajaan / o iso komponi do elektronik ....*  
 (Predikat) (Subjek)  
 Sebuah syarikat elektronik / menawarkan pekerjaan ....  
 (Subjek) (Predikat)

Bahasa subetnik Kadazandusun seperti Tombonuo dan Kalabuan juga menggunakan hukum Predikat-Subjek seperti kajian sarjana linguistik dari *Summer Institute of Linguistics* (King J.W., 1988:153; Spitzack J.A., 1988:112) berbanding struktur sintaksis bahasa Inggeris seperti contoh klausa berikut:

1. *Momaal / kito ...* (bahasa subetnik Tambanua/Tombonuo)  
 (Predikat) (Subjek)  
*We / make ...*  
 (Subjek) (Predikat)
2. *Mualod / siro ...* (bahasa subetnik Kalabuan)  
 (Predikat) (Subjek)  
*They / are quarreling ...*  
 (Subjek) (Predikat)

Rita Lasimbang dan Emilda Evon (2010), mengklasifikasikan susunan kata dalam pembentukan ayat bahasa Kadazandusun disusun mengikut tipologi bahasa jenis VSO (*Verb + Subject + Object*), iaitu VSO ini mendahulukan predikat dalam kebanyakan klausa. Klausa hadapan bahagian predikat pada umumnya terdiri daripada kata kerja. Hal ini agak berbeza dengan bahasa Melayu yang disusun mengikut tipologi bahasa jenis SVO (*Subject + Verb + Object*) yang

mengedepankan subjek dalam kebanyakan klausa. Susunan kata SVO merupakan jenis bahasa yang paling ramai digunakan di dunia berbanding VSO (Nik Safiah Karim *et al.*, 1995). Berikut merupakan contoh susunan kata VSO yang diperluas fungsinya dalam bahasa Kadazandusun dan maksudnya dalam bahasa Melayu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Singkatan huruf S untuk *Subject*, V *Verb*, O *Object* dan Ap *Adverb of Place* akan digunakan sebagai penanda dalam konstituen frasa.

a. Susunan VSO

*Poposidang oku parai.*  
(V) + (S) + (O)  
menjemur saya padi (terjemahan literal)  
"Saya menjemur padi." (terjemahan kontekstual)

b. Susunan VS

*Nokongingis i odu.*  
(V) + (S)  
tersenyum nenek (terjemahan literal)  
"Nenek tersenyum." (terjemahan kontekstual)

c. Susunan VSAp

*Manangkus yahai hilo id sikul.*  
(V) + (S) + (Ap)  
Berlari kami di sekolah (terjemahan literal)  
"Kami berlari di sekolah." (terjemahan kontekstual)

d. Susunan VSVO

*Nolihuan ku momisok i tapui.*  
(V) + (S) + (V) + (O)  
Terlupa saya memadam api (terjemahan literal)  
"Saya terlupa memadam api." (terjemahan kontekstual)

e. Susunan VS00

*Bolian ku sada i Nancy.*  
(V) + (S) + (O) + (O)  
akan beli saya ikan untuk Nancy (terjemahan literal)  
"Saya akan beli ikan untuk Nancy." (terjemahan kontekstual)

f. Susunan VSOV

*Sinuhu dahai isio minogidu.*  
(V) + (S) + (O) + (V)  
Suruh kami dia (lelaki) lari (terjemahan literal)  
"Kami suruh dia (lelaki) lari." (terjemahan kontekstual)

Sebagai bahasa serumpun, bahasa Kadazandusun juga menggunakan kata yang disusun mengikut SVO (*Subject + Verb + Object*) seperti susunan kata dalam bahasa Melayu. Susunan tersebut adalah mengikut konteks yang tidak menyalahi hukum tatabahasa.

a. Susunan SVO

*Oinsanan tangaanak sikul nonuan do uniform.*  
(S) + (V) + (O)

semua pelajar telah diberi uniform (terjemahan literal)

“Semua pelajar telah diberi uniform.” (terjemahan kontekstual)

b. Susunan SV

*Oinsanan puru molohingon alapon do rumikot.*  
(S) + (V)

semua pemimpin masyarakat dijemput hadir (terjemahan literal)

“Semua pemimpin masyarakat dijemput hadir.” (terjemahan kontekstual)

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menfokuskan dua objektif, iaitu mengenal pasti persamaan dan perbezaan pola ayat dasar bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu serta menganalisis binaan frasa berdasarkan pola ayat tersebut.

## METODOLOGI

Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan merujuk buku-buku atau dokumen tatabahasa yang berkaitan. Data yang diperoleh dikenal pasti dan dianalisis untuk memenuhi objektif kajian.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Pola Ayat Bahasa Kadazandusun–Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua bahasa mempunyai empat pola ayat dasar yang menjadi sumber dalam pembentukan semua ayat. Konstituen predikat diisi dengan empat jenis unsur yang berbeza, iaitu frasa nama (*frasa ngaran*), frasa kerja (*frasa maan*), frasa adjektif (*frasa ula*) dan frasa sendi nama (*frasa popiromut ngaran*), sementara konstituen subjek pada umumnya diisi oleh frasa nama (*frasa ngaran*). Pola ayat itu adalah seperti berikut:

Pola 1: Frasa Nama (*Frasa Ngaran*) + Frasa Nama (*Frasa Ngaran*) (FN + FN)

Pola 2: Frasa Kerja (*Frasa Maan*) + Frasa Nama (*Frasa Ngaran*) (FK + FN)

Pola 3: Frasa Adjektif (*Frasa Ula*) + Frasa Nama (*Frasa Ngaran*) (FA + FN)

Pola 4: Frasa Kata Sendi Nama (*Frasa Popiromut Ngaran*) + Frasa Nama (*Frasa Ngaran*)  
(FSN + FN)

Pola ayat dasar bahasa Kadazandusun adalah menurut hukum Predikat–Subjek, sementara bahasa Melayu menurut hukum Subjek–Predikat. Pola ayat dasar adalah seperti berikut:

**Pola Ayat Dasar Bahasa Kadazandusun**

<b>Pola</b>	<b>Predikat</b>	<b>Subjek</b>
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Tanak kampung	<i>Frasa Nama</i> i Jimmy Palikat.
Pola 2	<i>Frasa Kerja</i> Mihad	<i>Frasa Nama</i> i Leha.
Pola 3	<i>Frasa Adjektif</i> Okugui tomod	<i>Frasa Nama</i> i Lihan.
Pola 4	<i>Frasa Kata Sendi Nama</i> Hilo id Tanjong Malim	<i>Frasa Nama</i> o sikulan ku.

**Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu**

<b>Pola</b>	<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b>
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Jimmy Palikat	<i>Frasa Nama</i> anak kampung.
Pola 2	<i>Frasa Nama</i> Leha	<i>Frasa Kerja</i> menangis.
Pola 3	<i>Frasa Nama</i> Lihan	<i>Frasa Adjektif</i> sangat kurus.
Pola 4	<i>Frasa Nama</i> Sekolah saya	<i>Frasa Sendi Nama</i> di Tanjong Malim.

Pola ayat di atas boleh diperluas berdasarkan binaan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama seperti berikut:

**Pola Ayat FN + FN**

1. *Mongingia' / i Hilda.*  
 Predikat (FN) Subjek (FN)  
 guru / Hilda (terjemahan literal)  
 Hilda / guru. (terjemahan kontekstual)  
 Subjek (FN) Predikat (FN)
2. *Mongingia' tugama / tapa ku.*  
 Predikat (FN) Subjek (FN)  
 guru agama / bapa saya (terjemahan literal)  
 Bapa saya / guru agama. (terjemahan kontekstual)  
 Subjek (FN) Predikat (FN)

Berdasarkan contoh 1 dan 2, kedudukan subjek dan predikat yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut mempengaruhi binaan ayat. Contoh 1 menunjukkan ligatur 'i' digunakan untuk menghubungkan inti, iaitu *Hilda* dengan penerang *mongingia'*.

**Binaan Frasa Nama**

1. *tolu tulun / mongingia' / sikul*  
 (Penerang Penentu Depan) (Inti) (Penerang)  
 tiga orang / guru / sekolah  
 "tiga orang guru sekolah"
2. *puun / piasau*  
 (Inti) (Penerang)



pokok / kelapa  
"pokok kelapa"

3. *tina* / *om* / *tapa*  
(Inti) (Kata Hubung) (inti)  
ibu / dan / bapa  
"ibu bapa"

4. *kusai* / *om* / *tondu*  
(Inti) (kata hubung) (inti)  
lelaki / dan / perempuan  
"lelaki perempuan"

Contoh 1 dan 2 memperlihatkan persamaan binaan FN: Inti + Penerang, untuk kedua-dua bahasa. Dalam contoh 3 dan 4 pula, bahasa Kadazandusun menggunakan kata hubung 'om' (bukan ligatur kerana mempunyai fungsi tertentu (kata hubung) yang membawa maksud 'dan') untuk binaan FN: Inti + Inti dengan maksud lawan erti, sementara dalam bahasa Melayu tidak menggunakan sebarang kata hubung (Ø kata hubung dalam binaan FN: Inti + Inti). Setakat kajian ini dilakukan, perkataan FN: Inti + Inti tidak ditemui dalam bahasa Kadazandusun kecuali merujuk nama khas seperti '*Huguan Siou*' yang bermaksud 'pemimpin agung', 'boros Kadazandusun' bererti 'bahasa Kadazandusun' dan sebagainya (bukan binaan FN: Inti + Inti dengan maksud lawan erti).

### Pola Ayat FK + FN

1. *Mambasa* / *i Alice do buuk*.  
Predikat (FK) Subjek (FN)  
membaca / Alice buku (terjemahan literal)  
Alice / membaca buku. (terjemahan kontekstual)  
Subjek (FN) Predikat (FK)
2. *Kongingis* / *i Halim*.  
Predikat (FK) Subjek (FN)  
tersenyum / Halim (terjemahan literal)  
Halim / tersenyum. (terjemahan kontekstual)  
Subjek (FN) Predikat (FK)

Pola ayat FK + FN dalam contoh 1 dan 2 menunjukkan kedudukan subjek dan predikat yang berbeza antara kedua-dua bahasa telah mempengaruhi binaan ayat. Penggunaan ligatur 'i' dalam contoh 1 dan 2 menghubungkan kata kerja dengan inti sementara ligatur 'do' dalam contoh 1 menghubungkan inti dengan objek.

### Binaan Frasa Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap, Berpelengkap dan Berpenerang

1. *Koodop* / *i* / *odu* / *hilo id* / *pansaran*.  
(Kata Kerja Tak Transitif) (Ligatur) (Subjek) (Kata sendi) (Keterangan)  
tertidur / nenek / di / beranda  
Nenek / tertidur di beranda.  
Subjek (FN) Predikat (FK)
2. *Dumadi* / *i* / *Maisara* / *do* / *mongingia'*.  
(Kata Kerja Tak Transitif) (Ligatur) (Subjek) (Ligatur) (Pelengkap)  
menjadi / Maisara / guru  
Maisara / menjadi guru.  
Subjek (FN) Predikat (FK)

3. *Balajar* / *i* / *Hamid* / *do* / *boros Kadazandusun.*  
 (Kata Kerja Tak Transitif) (Ligatur) (Subjek) (Ligatur) (Penerang)  
 belajar / Hamid / bahasa Kadazandusun  
 Hamid / belajar bahasa Kadazandusun.  
 Subjek (FN) Predikat (FK)

### Binaan Frasa Kerja Transitif

1. *Nakaanu* / *i* / *toinsanan tangaanak sikul* / *do* / *tutungkap.*  
 (Kata Kerja Transitif) (Ligatur) (Subjek) (Ligatur) (Objek)  
 telah mendapat / semua murid / hadiah  
 Semua murid / telah mendapat hadiah.  
 Subjek (FN) Predikat (FK)

Contoh-contoh ayat binaan frasa kerja tak transitif dan transitif menunjukkan perbezaan susunan kata mengikut konstituen subjek dan predikat kedua-dua bahasa. Dalam binaan FK, ligatur 'i' dan 'do' menjadi keutamaan dalam bahasa Kadazandusun untuk menghubungkan kata kerja dengan subjek (kata nama) menggunakan 'i' dan menghubungkan subjek dengan keterangan, pelengkap, penerang atau objek menggunakan ligatur 'do'.

### Pola Ayat FA + FN

1. *Osonong tomod* / *ilo tanak.*  
 Predikat (FA) Subjek (FN)  
 baik sangat / itu anak (terjemahan literal)  
 Anak itu / sangat baik. (terjemahan kontekstual)  
 Subjek (FN) Predikat (FA)
2. *Amu po noonsok* / *ilo tua' punti.*  
 Predikat (FA) Subjek (FN)  
 belum lagi masak / itu buah pisang (terjemahan literal)  
 Buah pisang itu / belum masak lagi. (terjemahan kontekstual)  
 Subjek (FN) Predikat (FA)

Kedua-dua bahasa menggunakan bilangan patah perkataan yang sama. Perbezaan terlihat pada kedudukan subjek dan predikat yang boleh mempengaruhi binaan ayat.

### Binaan Frasa Adjektif Menggunakan Satu Kata Adjektif

1. *Akawas* / *no* / *ilo* / *tadau.*  
 (Kata Adjektif) (kata bantu) (kata tunjuk) (Subjek)  
 tinggi / sudah / itu / matahari  
 Matahari itu / sudah tinggi.  
 Subjek (FN) Predikat (FA)
2. *Aragang-aragang* / *o* / *tawan* / *do* / *minsosodop.*  
 (Kata Adjektif) (Ligatur) (Subjek) (kata sendi) (Keterangan)  
 kemerah-merahan / langit / pada / waktu senja  
 Langit / kemerah-merahan pada waktu senja.  
 Subjek (FN) Predikat (FA)

Ayat dalam contoh 1 menunjukkan kedua-dua bahasa menggunakan kata bantu 'no' (sudah) dalam frasa adjektif. Kata bantu 'no' digunakan selepas kata adjektif dalam bahasa Kadazandusun dan sebaliknya dalam bahasa Melayu, iaitu kata bantu 'sudah' sebelum kata adjektif. Contoh 2 pula menunjukkan perkataan 'do' (pada) membawa fungsi sebagai kata sendi nama untuk menghubungkan subjek dengan keterangan dan tidak semestinya membawa fungsi sebagai ligatur semata-mata. Hal ini selari dengan pernyataan Gordion Pius (tanpa tarikh), yang mendakwa bahawa perkataan dalam bahasa Kadazandusun dapat melakukan pelbagai fungsi dalam konteks yang berbeza dalam mana-mana ayat atau ungkapan yang diberikan.

### **Pola Ayat FSN + FN**

1. *Hilo id Universiti Pendidikan Sultan Idris / oku poinsikul.*

Predikat (FSN)	Subjek (FN)
di Universiti Pendidikan Sultan Idris / saya bersekolah (terjemahan literal)	
Saya bersekolah / di Universiti Pendidikan Sultan Idris. (terjemahan kontekstual)	
Subjek (FN)	Predikat (FSN)

2. *Miagal podii tiasan do waig talasu / ilo tangaanak do minurudsau mogidu.*

Predikat (FSN)	Subjek (FN)
seperti ditabur air panas / itu budak-budak yang bertempiaran lari (terjemahan literal)	
Budak-budak yang bertempiaran lari itu / seperti ditabur air panas. (terjemahan kontekstual)	
Subjek (FN)	Predikat (FSN)

Berdasarkan contoh 1 dan 2, kedudukan subjek dan predikat yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut mempengaruhi binaan ayat. Contoh 2 menunjukkan dua perkataan 'do' yang membawa fungsi sebagai ligatur. Perbezaannya ialah 'do' pada konstituen predikat tidak membawa apa-apa makna dalam terjemahan bahasa Melayu sementara 'do' pada konstituen subjek bermaksud 'yang', berfungsi sebagai kata hubung pancangan relatif yang menghubungkan klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain.

### **Binaan Frasa Sendi Nama**

#### **a) Kata Sendi Nama + Frasa Nama**

1. mantad / Kedah  
KSN FN  
dari / Kedah  
"dari Kedah"

2. montok / tulun mosikin  
KSN FN  
untuk / orang miskin  
"untuk orang miskin"

#### **b) Kata Sendi Nama + Kata Arah + Frasa Nama + Frasa Keterangan**

1. id / suang / do / gouton / kosuabon konihab  
KSN Kata Arah Ligatur FN Frasa Keterangan  
di / dalam / hutan / pagi semalam  
"di dalam hutan pagi tadi"

Ketiga-tiga contoh memperlihatkan persamaan binaan FSN untuk kedua-dua bahasa. Dalam contoh b(1), bahasa Kadazandusun menggunakan kata hubung ligatur 'do' untuk menghubungkan kata arah dengan kata nama.

## KESIMPULAN

Kedua-dua bahasa tersebut mengandungi empat pola ayat dasar, iaitu FN + FN, FK + FN, FA + FN dan FSN + FN. Struktur binaan ayat bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu mempunyai perbezaan yang nyata kerana Bahasa Kadazandusun mengikut hukum Predikat-Subjek sementara bahasa Melayu menggunakan hukum Subjek-Predikat. Perbezaan jelas kelihatan dalam binaan frasa kerja dan frasa adjektif. Cara binaan frasa nama dan frasa sendi nama dalam bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu pula mempunyai persamaan kecuali penggunaan ligatur 'do' yang wajib dimasukkan di antara kata arah dengan kata nama dalam bahasa Kadazandusun. Cabaran utama dalam pembelajaran bahasa Kadazandusun adalah apabila pelajar cenderung menyamakan struktur binaan ayat bahasa tersebut dengan bahasa Melayu. Hal ini berlaku dalam kalangan generasi baharu Kadazandusun yang menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama di rumah berbanding bahasa ibunda. Diharapkan dengan pengenalan ringkas struktur binaan ayat kedua-dua bahasa tersebut dapat menarik minat para sarjana bahasa untuk membuat kajian perbandingan bahasa Kadazandusun dengan bahasa-bahasa lain khususnya bahasa serumpun yang dilihat bukan sahaja dapat mengayakan bahasa tetapi lebih kepada mencari titik pertemuan untuk saling meraikan persamaan dan perbezaan keunikan bahasa masing-masing kerana tidak ada bahasa di dunia ini yang dicipta semata-mata untuk kesenangan individu yang hendak mempelajari bahasa tersebut.

## RUJUKAN

- Adenan Ayob. (2012). Nilai bahasa Melayu sebagai penggerak budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. *Pendeta: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 3(1), 39-51.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2008). *Pengantar sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Asmah Omar. (2015). *Susus galur bahasa Melayu* (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). *Sintaksis bahasa Melayu bersumberkan karya sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benedict Topin. (2017). *Kadazandusun our sacred identity*. Penampang: Koisaan Publications.
- Dayu Sansalu. (2008). Kadazandusun di Sabah pendidikan dan proses pemodenan 1881-1967. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gordion Pius. (t.t). *Introduction to the Kadazandusun prepositional phrase*. Diperoleh daripada [https://www.researchgate.net/profile/Gordian\\_Pius/publication/31602951](https://www.researchgate.net/profile/Gordian_Pius/publication/31602951)
- Henry Bating. (2001). *Ejaan bahasa Kadazandusun dan aspek-aspek persoalan*. Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Kadazandusun.
- Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. (2011). *Wacana akademik bahasa Melayu* (edisi keempat). Tanjong Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Puralan boros Kadazandusun id sikul*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- King J.W. (1988). Tomboanu clauses. Dalam Peck C. (Ed.), *Borneo Language Studies 1: Sabah Syntax Papers* (hlm.149-174). Dallas: The Summer Institute of Linguistics, Inc.
- Lewis, M.P. (ed.). (2009). *Ethnologue: Language of the World*. 16<sup>th</sup> ed. Dallas, Texas. SIL International. Diperoleh daripada <http://www.ethnologue.com/>.

- Minah Sintian. (2017). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah* (tesis Phd. tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1995). *Tatabahasa dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nor Azam Abdullah & Musirin Mosin. (2019). *Perbandingan empat pola ayat inti Melayu-Dusun* (hlm. 429-438). Dalam Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau & Ewon Benedick (Eds.). *Kesusasteraan & Kebudayaan BORNEO*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Aina Dani, Saadah Jaffar, Zuraini Seruji & Reduan Abang Amir. (2011). Asimilasi bermacam-macam jenis kata Melayu pemilikan etnik Dusun di Sabah. *Jurnal Melayu*, (8) 2011, 67-90.
- Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2012). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ramli Md. Salleh. (2007). Morfologi. Dalam Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman (Eds.). *Linguistik Melayu* (2<sup>nd</sup> ed.), (hlm. 63-70). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rita Lasimbang & Emilda Evon. (2010). *Rujukan ringkas aspek linguistik bahasa Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Kandavai Books.
- Rita Lasimbang & Trixie Kinajil. (2010). Changing the language ecology of Kadazandusun: The role of the Kadazandusun Language Foundation. *Current Issues in Language Planning*, 1:3, hlm. 415-423. DOI: 10.1080 /14664200008668015
- Sabah Syntax Papers* (hlm.100-148). Dallas: The Summer Institute of Linguistics, Inc.
- Spitzack J.A. (1988). Kalabuan clauses. Dalam Peck C. (Ed.), *Borneo Language Studies 1: Syntax Papers* (hlm.100-148). Dallas: The Summer Institute of Linguistics, Inc.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN: Antara Realiti dan Hambatan. Dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah, Arba'ie Sujud, Hashim Musa, Mohd. Zariat Abdul Rani & Hajah Nor Azuwan Yaakob (eds.). *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX* (hlm. 485-491). Serdang: Universiti Putera Malaysia.

